

Submission date: 05/07/2019

Accepted date: 11/10/2019

**KETERUJAAAN LUAR BIASA DAN IMPLIKASINYA TERHADAP
PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT DI MALAYSIA*****Overexcitabilities and Its Implications to Gifted and Talented Students in
Malaysia***Amnah Zanariah Abd Razak^{a,b}, Sahlan Surat^a, Saemah Abd Rahman^a
dan Rosadah Abd Majid^a^aFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).^bKolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),

amzar2010@gmail.com / amnahz@usim.edu.my

Abstrak

Keterujaan luar biasa merupakan satu keistimewaan yang ada pada pelajar pintar dan berbakat namun jarang diketahui oleh masyarakat umum. Keterujaan luar biasa ini merupakan salah satu isu sosioemosi yang dihadapi oleh pelajar pintar berbakat. Konsep keterujaan luar biasa ini mula dikenali di dalam bidang pintar dan berbakat dan memberikan impak yang besar dalam perkembangan diri serta masa depan pelajar. Kajian tinjauan telah dilakukan menggunakan instrumen Soal Selidik Keterujaan Luar Biasa (II) bagi mengukur keterujaan luar biasa pelajar pintar dan berbakat ini. Pengkaji-pengkaji yang lepas bersetuju bahawa Soal Selidik Keterujaan Luar Biasa (II) ini juga sesuai untuk digunakan bagi mengenal pasti individu pintar dan berbakat. Soal Selidik Keterujaan Luar Biasa (II) mempunyai lima sub konstruk iaitu dimensi emosi, imaginasi, intelektual, psikomotor dan sensori. Hasil dapatan kajian dalam kalangan pelajar sekolah menengah (n=40) di sekolah pintar dan berbakat di Negeri Sembilan ini menunjukkan pelajar pintar dan berbakat mendapat skor tertinggi yang signifikan bagi sub konstruk intelektual iaitu (min=3.54) dan diikuti sensori (min=3.51), imaginasi (min=3.45), emosi (min=3.40) dan psikomotor (min=3.40). Kajian ini juga melalui Teori Disintegrasi Positif oleh Dabrowski menunjukkan pelajar pintar dan berbakat mampu melonjak cemerlang dan berusaha mengatasi kelemahan diri untuk berjaya jika mereka mampu menyesuaikan diri dengan keunikan keterujaan luar biasa yang dianugerahkan. Pengetahuan tentang keterujaan luar biasa ini perlu bagi membantu kecemerlangan pelajar pintar dan berbakat.

Kata Kunci: *Pintar dan berbakat, sosioemosi, keterujaan luar biasa.*

Abstract

Overexcitabilities is a special trait in gifted and talented students but is rarely known to the general public. This overexcitabilities is one of the socioemotional issues faced by gifted and talented students. The concept of overexcitedness has come to be known in the field gifted and talented and has a great impact on the self-development and future of the students. A survey was conducted using the Overexcitability Survey (II) instrument to measure the overexcitabilities of these gifted and talented students. Previous researchers agree that the Overexcitability Survey (II) is also suitable to be used in identifying gifted and talented individuals. The Overexcitability Survey (II) has five sub constructs: emotional dimension, imagination, intellectual, psychomotor and sensory. The findings of the study among high school students (n = 40) in gifted and talented schools in Negeri Sembilan showed that gifted and talented students had the highest score for intellectual constructs (mean = 3.54) and followed by sensory (mean = 3.51), imagination (mean = 3.45), emotion (mean = 3.40) and psychomotor (mean = 3.40). This study also goes through the Positive Disintegration Theory by Dabrowski that gifted and talented students are able to excel and strive to overcome their weaknesses in order to succeed if they are able to adapt to the uniqueness of the over excitabilities. The knowledge of this over excitabilities is necessary to help the excellence of gifted and talented students.

Key Words: Gifted and talented, socioemotions, over excitabilities

PENGENALAN

Pelajar pintar dan berbakat (PPB) sering dikenali sebagai individu pintar yang punyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah (Gagné, 2015). Namun kemahiran menyelesaikan masalah ini bergantung kepada potensi semula jadi dan disokong pula oleh persekitaran yang menyokong. Terdapat kajian-kajian yang lepas membuktikan keistimewaan personaliti ciri-ciri pelajar pintar dan berbakat ini menyebabkan mereka terdedah kepada masalah sosioemosi (Speirs Neumeister et al., 2012). Sosioemosi menurut Rorlinda et al. (2016) merujuk kepada keupayaan seseorang menyesuaikan diri dengan orang lain dalam proses sosialisasi dan kawalan emosi. Dalam konteks PPB, golongan pelajar ini sentiasa bertarung untuk membuat penyesuaian diri (Versteynen, 2013) dari aspek penerimaan rakan sebaya, persekitaran, minat sendiri, motivasi dan sebagainya akibat konflik kematangan kognitif yang mereka punyai.

PENYATAAN MASALAH

Kebanyakan kajian pintar dan berbakat (PPB) tertumpu kepada aspek kognitif dan mengabaikan aspek keperluan sosioemosi (Amnah Zanariah et al., 2016). Menurut Sternberg (2017), pelajar pintar berbakat masa kini bukan hanya dinilai dari segi

kebolehan kognitif sahaja, malahan elemen kreatif, praktikal, bijaksana dan mempunyai kemahiran etika antara syarat yang perlu ada di dalam penilaian pelajar pintar dan berbakat.

Pelajar pintar berbakat berdepan dengan isu keterujaan luar biasa (KLB). Keterujaan luar biasa dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat ini telah mula diperkenalkan oleh Dabrowski (1967). Pelajar yang mempunyai ciri-ciri KLB akan mempamerkan intensiti yang tinggi dalam tingkah laku serta menimbulkan masalah (Karpinski et al., 2018). Bagi mereka yang tiada pengetahuan tentang keunikan PPB ini, pelajar akan di label sebagai pelajar yang bermasalah. Kajian oleh Aliza Alias (2014) mendapati 62.4 peratus pelajar mempunyai tahap tinggi dalam keterujaan luar biasa sensori berbanding dengan empat domain lain kurang dari 50 peratus yang menunjukkan sensitiviti terhadap rangsangan persekitaran mereka. Kajian ini juga mendapati 85 peratus pelajar mempunyai sekurang-kurangnya satu domain keterujaan luar biasa tahap tinggi.

Intensiti KLB yang tinggi ini merupakan sebahagian daripada gambaran isu pelajar pintar dan berbakat di mana ini merupakan perkembangan potensi PPB (Dabrowski & Piechowski, 1977). Oleh itu keunikan KLB perlu diraikan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Isu sosioemosi yang tidak terkawal mampu mempengaruhi pencapaian akademik, tingkah laku, sosial serta isu emosi di bawah tahap jika tidak dibantu (Aliza 2014, Abu Yazid 2015, Amnah Zanariah et al. 2015, Amnah Zanariah et al. 2016). Oleh itu keperluan untuk mengetahui tahap keterujaan luar biasa pelajar pintar dan berbakat ini boleh membantu golongan ini mengenal pasti tahap keterujaan luar biasa yang dialami serta melakukan aktiviti intervensi yang boleh membantu menurunkan tahap keterujaan luar biasa yang dialami supaya berlaku proses penyesuaian sosioemosi di kalangan pelajar. Hasilnya, potensi diri pelajar pintar berbakat ini dapat digilap ke arah yang lebih baik.

KAJIAN LITERASI

Keterujaan Luar Biasa Pelajar Pintar Dan Berbakat

Pelajar pintar dan berbakat mempunyai ciri keterujaan luar biasa (KLB). Golongan pelajar ini akan mempamerkan tingkah laku yang luar biasa. Dabrowski 1972 hingga 1980 telah memperkenalkan *Theory of Positive Disintegration and Giftedness*, dan beliau juga telah mengkategorikan KLB kepada lima dimensi iaitu psikomotor, sensori, intelek, imaginasi dan emosi.

Mutakhir ini, lebih banyak kajian telah memberikan tumpuan terhadap keperluan sosial dan emosi sebagai ciri-ciri kanak-kanak pintar dan berbakat. Setiap individu pintar berbakat adalah sangat unik. Walaupun kanak-kanak ini pintar berbakat berdasarkan aspek intelek, namun setiap individu berbeza antara satu sama lain

dalam semua aspek intelek, fizikal, sosioemosi (Daniels & Meckstroth 2009). Sehubungan dengan itu, perkembangan sosioemosi pelajar pintar berbakat ini terutama isu keterujaan luar biasa ini perlu diberikan perhatian.

Konsep Keterujaan Luar Biasa

Kriteria sosioemosi pelajar pintar dan berbakat yang dipelopori oleh Dabrowski, beliau merupakan seorang pakar di dalam bidang psikiatri. Menurut beliau, pesakit yang didiagnos dengan masalah mental sebenarnya merupakan sebahagian daripada individu yang pintar berbakat. Ini berlaku kerana individu mempunyai intensiti yang tinggi terhadap sebarang rangsangan dalaman dan juga persekitarannya. Rangsangan inilah yang mendorong individu berkelakuan pelik daripada individu yang normal. Keterujaan luar biasa ini boleh menyebabkan tekanan dalaman dan luaran kepada setiap individu bergantung kepada bagaimana individu tersebut menanganinya. Pada pendapat Dabrowski (1972), individu yang mempunyai KLB yang tinggi biasanya gagal mencapai perkembangan potensi sebagaimana yang dihayati (Mendalingo, 2008). Teori Disintegrasi Positif (TPD) penting berperanan untuk memberi kesedaran khususnya kepada pelajar pintar dan berbakat menangani domain sosioemosi yang ada di dalam diri pelajar (Perrone-McGovern et al., 2015).

Lima dimensi keterujaan luar biasa yang diperkenalkan oleh Dabrowski adalah;

i. KLB Psikomotor

Individu yang mempunyai KLB psikomotor mempunyai kekuatan yang tinggi, melakukan aktiviti yang lasak tanpa merasa penat serta cepat merasa cemas bila berada di dalam situasi yang tertentu dan akan bertindak secara spontan. Ini akan menunjukkan simptom tertentu seperti menggigit kuku, pergerakan aktiviti badan yang tidak dapat di kawal, percakapan yang laju dan sebagainya bagi mengurangkan perasaan kebimbangan dan stress yang dialami.

ii. KLB Sensori

Keterujaan sensori pula akan mempamerkan perasaan ghairah melalui deria dan pancaindera mereka. Oleh yang demikian mereka akan cenderung untuk bertindak balas yang tinggi terhadap persekitaran contohnya terhadap irama muzik, bau-bauan, pemandangan dan sebagainya (Ackerman, 1993). Keadaan ini menyebabkan mereka suka mempamerkan apa kesukaannya untuk mendapat penghargaan dan pujian daripada individu sekitarnya.

iii. KLB Imajinasi

Pelajar yang mempunyai KLB imajinasi mempunyai bakat serta fantasi yang tinggi dan kadangkala mempunyai dunia fantasi yang tersendiri yang jauh berbeza dari alam yang nyata. Mereka biasanya mempunyai kebolehan melukis, mahir

berkomunikasi dengan bahasa yang berbunga-bunga (metafora) serta seorang yang kreatif dalam kehidupan seharian.

iv. KLB Intelek

Pelajar yang mempunyai KLB Intelek mempunyai kebolehan yang tinggi dalam meneroka ilmu. Golongan KLB intelek ini mempunyai kebolehan meta kognitif yang tinggi dan lebih terkehadapan serta lebih matang berbanding dengan usia kronologinya. Pergaulan sosial mereka pula mereka lebih cenderung berkawan dengan orang yang lebih dewasa dan suka melontarkan persoalan-persoalan yang sering bermain di dalam mindanya tanpa jemu.

v. KLB Emosi

Bagi KLB emosi pula pelajar lebih sensitif terhadap sesuatu emosi contohnya mempamerkan intensiti yang tinggi terhadap perasaan yang dialami sama ada sedih, gembira dan kadangkala mempunyai rasa simpati dan empati yang terlampau tinggi. Dengan itu KLB emosi ini boleh menimbulkan gangguan perasaan terhadap seseorang individu tersebut. Biasanya individu KLB emosi ini akan mempunyai kebimbangan yang tinggi, ketakutan, kegusaran, sentiasa mahu berdampingan dengan orang lain, mempunyai tekanan perasaan, malu, sentiasa ketakutan dan memerlukan perlindungan orang lain yang mempunyai emosi yang kompleks dan sukar untuk dijangka. Bagi Dabrowski, KLB emosi merupakan pusat utama yang mengawal berlakunya KLB-KLB yang lain (Mendaglio, 2008).

Teori Disintegrasi Positif

Teori Disintegrasi Positif Dabrowski atau *Theory of positive disintegration (TPD)* terbahagi kepada dua bahagian iaitu perkembangan potensi dan pelbagai aras. Setiap individu mempunyai potensi yang berbeza-beza (Daniels, S & Meckstroth, 2009; Harrison & Van Haneghan, 2011). Di dalam perkembangan potensi seseorang individu, menurut Dabrowski terdapat tiga faktor utama yang menyumbang terhadap perkembangan potensi. Faktor yang pertama adalah faktor genetik, faktor kedua ialah persekitaran sosial dan yang ke tiga adalah autonomi (Aliza Alias, 2014). Faktor genetik adalah faktor fizikal seperti kecergasan dan bakat. Faktor potensi pula adalah seperti dorongan motivasi dari keluarga, rakan sebaya dan juga persekitaran di mana rangsangan itu berlaku. Manakala faktor terakhir autonomi pula biasanya akan melibatkan tenaga dalaman dan konsep sendiri yang penting bagi perkembangan pemikiran dan kreativiti bagi seseorang individu mengembangkan potensinya.

Oleh yang demikian, kesimpulannya menurut teori Dabrowski (Harrison & Van Haneghan, 2011) kejayaan seseorang bagi mengembangkan potensi diri bukan

sahaja bergantung kepada kecerdasan, bakat dan keupayaan yang dimiliki, namun bergantung juga kepada trait keterujaan luar biasa yang di milikinya serta bagaimana individu tersebut menanganinya.

METODOLOGI

a. Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan bagi mengukur isu keterujaan luar biasa dalam kalangan pelajar pintar berbakat menggunakan Soal Selidik Keterujaan Luar Biasa (II).

b. Sampel kajian

Peserta kajian dipilih menggunakan pensampelan bertujuan. Seramai 40 orang sampel dari pelajar menengah rendah daripada sebuah Kolej Pintar Dan Berbakat Di Negeri Sembilan. Pelajar-pelajar ini telah melepasi ujian kepintaran UKM 1, UKM2 dan ujian kepintaran USIM.

c. Instrumen kajian

Soal selidik Keterujaan Luar Biasa dibina oleh (1999) merupakan satu set soal selidik yang mampu mengukur secara konsisten bagi setiap domain keterujaan luar biasa. Instrumen ini mempunyai 50 soalan. Soal selidik asal ini telah di terjemah dan diubahsuai dalam beberapa bahasa seperti Turki, China, Korea dan Sepanyol dan masing-masing mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi instrumen yang diubahsuai. Di dalam kajian ini pengkaji telah mendapat keizinan daripada Falk et al. bagi menggunakan instrumen ini.

Aliza (2014) telah mengubahsuai instrumen Soal selidik Keterujaan Luar Biasa ini mengikut kesesuaian norma dan budaya masyarakat di Malaysia dalam kajian yang telah dilakukan. Instrumen ini telah diterjemahkan oleh beliau dengan izin daripada penyelidik asal daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia kemudian diterjemahkan semula ke Bahasa Inggeris supaya item-item ini dapat di banding bezakan dengan item yang asal. Seterusnya dirujuk item-item tersebut kepada pakar untuk mendapatkan persetujuan pakar. Instrumen ini mempunyai 50 item. Skala Likert lima mata digunakan (1.sangat tidak setuju, 2.tidak setuju, 3.hampir setuju, 4.setuju dan 5.sangat setuju) bagi setiap jawapan pelajar. Hasil kajian Aliza menunjukkan ke semua domain KLB menunjukkan nilai Alpha Cronbach yang melebihi 0.7 dan terdapat 4 domain yang melebihi 0.8 iaitu KLB intelek (0.87), KLB sensori (0.85), KLB psikomotor (0.84) dan KLB imaginasi (0.83). Nilai 0.7 ke atas menurut Pallant (2005) menunjukkan item mempunyai nilai kesahan yang tinggi. Oleh yang demikian kajian ini menggunakan instrumen sedia ada yang diubahsuai oleh Aliza (2014) dengan izin beliau memandangkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi yang telah diperoleh. Instrumen ini mampu mengukur

keterujaan luar biasa yang dialami oleh pelajar pintar dan berbakat. Di dalam kajian ini pengkaji telah mendapati nilai Alpha Cronbach bagi kajian ini adalah nilai 0.927 ($\alpha = 0.927$) yang menunjukkan nilai yang tinggi dan memuaskan bagi instrumen ini untuk diguna pakai di dalam kajian.

Tahap keterujaan luar biasa boleh dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah dengan skor min antara 1.00 hingga 2.60, tahap sederhana dengan skor min 2.61 hingga 4.20 dan tahap tinggi dengan nilai skor min 4.21 hingga 5.00. Tahap keterujaan yang tinggi adalah tahap yang membimbangkan manakala tahap sederhana dan rendah adalah tahap yang mempunyai KLB yang tidak membimbangkan. Ke semua profil dan dimensi KLB ini perlu diketahui oleh individu, guru dan masyarakat sekitar untuk difahami dan dibantu.

d. Analisis data

Di dalam fasa ini analisis data menggunakan SPSS versi 23.0. Statistik deskriptif digunakan bagi menerangkan ciri-ciri pemboleh ubah keterujaan luar biasa. Ia digunakan bagi membuat rumusan berdasarkan data numerikal (Lay Yoon Fah, Khoo Chwee Hoon, 2016). Statistik deskriptif yang diguna pakai adalah min dan peratus. Statistik deskriptif ini bertujuan untuk menerangkan dan menghuraikan dapatan bagi kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Hasil soal selidik yang telah dibuat ditunjukkan di dalam jadual 1.0 yang menunjukkan skor min bagi setiap dimensi ketrujaan luar biasa yang di ukur. Berdasarkan jadual 1 di atas, dapatan menunjukkan dimensi intelektual memperoleh skor min yang tertinggi ($m=3.54$) dan skor yang paling rendah merupakan dimensi psikomotor dan emosi ($m=3.40$).

Jadual 1. Tahap Keterujaan Luar Biasa dalam Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat

Dimensi Keterujaan Luar Biasa:	Min
1. Intelektual	3.54
2. Sensori	3.51
3. Imajinasi	3.45
4. Emosi	3.40
5. Psikomotor	3.40

PERBINCANGAN

Teori Dabrowski di dalam kajian ini menunjukkan kepentingan dimensi kepingtaran pelajar pintar dan berbakat melalui dimensi keterujaan luar biasa. Pengkaji-pengkaji lepas berpendapat dengan mengenal pasti dimensi keterujaan luar biasa melalui soal selidik Keterujaan Luar Biasa (II) ini, bakat pelajar pintar dapat dikenal pasti ciri-ciri pintar berbakat yang dianugerahkan kepada mereka.

Ackerman (1993) berpendapat dimensi psikomotor keterujaan luar biasa merupakan kayu ukur bagi keterujaan luar biasa pelajar pintar dan berbakat jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar normal. Menurut (Tsien, 2016) kepingtaran merujuk kepada kebolehan untuk meneroka ilmu dengan sendiri dalam keadaan dunia sekarang yang di dalamnya pelbagai kemungkinan boleh berlaku dan pelajar pintar dan berbakat ini mempunyai misi di mana mereka mampu secara lumrahnya dan dengan persekitaran sosial yang membantu dapat mengharungi ujian demi ujian yang dilalui yang mematangkannya. Seharusnya pelajar pintar dan berbakat mengetahui apakah tahap keterujaan luar biasa yang mereka alami supaya mereka boleh memperbaiki diri ke arah yang lebih baik bagi kecemerlangan masa depan pelajar.

a. Profil KLB

Secara keseluruhan, hasil kajian ini menunjukkan Pelajar Pintar Dan Berbakat mempunyai tahap keterujaan luar biasa yang signifikan di tahap yang sederhana iaitu pada skala min skor 2.61 hingga 4.20. Metodologi kajian ini telah bertambah baik di mana kajian-kajian di peringkat awal bagi keterujaan luar biasa dijalankan secara kualitatif secara pemerhatian klinikal sahaja, namun pada masa kini kebanyakan kajian kuantitatif juga telah giat dilakukan dengan analisis statistik yang signifikan (Chang & Kuo, 2013) di dalam pelbagai bidang bukan hanya di dalam bidang kesihatan atau bidang klinikal sahaja.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dimensi intelektual iaitu (min=3.54) dan diikuti skor sensori (min=3.51), imaginasi (min=3.45), emosi (min= 3.40) dan psikomotor (min =3.40). dimensi intelektual merupakan dimensi yang tertinggi bagi sampel pintar dan berbakat ini dan dikuti oleh sensori, imaginasi, emosi dan psikomotor. Dapatan dimensi merupakan skor min yang tertinggi ini selaras dengan kajian (Mendaglio & Tillier, 2006). Namun dapatan ini berbeza di dalam kajian Chang & Kuo (2013), dapatan kajian beliau di Taiwan mendapati skor min yang tertinggi adalah dimensi emosi. Sementara itu, kajian Wu (2006) pula mendapati dimensi sensori paling tinggi skor bagi sampel di dalam kajiannya. Ke lima-lima dimensi ini (intelektual, sensori, imaginasi, emosi dan psikomotor) hanya mempunyai perbezaan signifikan yang kecil di dalam keterujaan luar biasa di dalam kajian ini.

Sehubungan dengan dapatan kajian ini, kajian menyokong bahawa pelajar pintar dan berbakat sememangnya mempunyai skor intelektual yang tinggi kerana kebolehan kognitif yang tinggi melebihi umur kronologi mereka. Berdasarkan kepada dapatan ini juga pelajar boleh dibantu di dalam proses pembangunan diri, bantuan pembelajaran dan pengajaran dan mampu mencorak masa depan pelajar pintar ini.

Kajian ini juga bersetuju dengan model pintar berbakat terkini yang dicadangkan oleh (Sternberg, 2017) ACCEL model yang mengambil kira kebolehan-kebolehan selain kognitif iaitu elemen kreatif, praktikal, bijaksana dan mempunyai kemahiran etika antara syarat yang perlu ada di dalam penilaian pelajar pintar dan berbakat masa kini. Oleh yang demikian penilaian kebolehan pintar dan berbakat adalah lebih meluas untuk dijadikan kayu ukur bagi golongan pelajar pintar dan berbakat ini. Maksudnya di sini pelajar pintar berbakat bukan sahaja mereka yang cemerlang dari segi kelulusan akademiknya namun akan dinilai dari segi kreativiti, mahir membuat keputusan serta mampu bersosial dan penyesuaian diri di dalam masyarakat.

b. Implikasi KLB

Implikasi daripada isu keterujaan luar biasa ini tidak dinafikan akan berlaku kepada empat kumpulan utama iaitu individu, guru, ibu bapa dan masyarakat. Implikasi daripada sifat KLB ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu keterujaan luar biasa positif dan negatif. Bagi seseorang individu yang mengetahui profil atau tahap KLB mereka sepatutnya dapat menilai kembali kekuatan dan kelemahan yang ada di dalam sifat keterujaan luar biasa yang dimiliki. Individu yang dapat mengatasi kelemahan dan sentiasa cuba memperbaiki diri akan berpeluang untuk melonjak hidupnya sebagai pelajar pintar dan berbakat yang berjaya di dalam perjalanan hidupnya.

Dalam konteks guru pula, mengenali tahap kecenderungan keterujaan luar biasa ini dapat memberikan input kepada guru untuk merancang pembelajaran menggunakan pembelajaran dan pengajaran terbeza (*differentiated learning & teaching*) supaya sesi pembelajaran dan pengajaran lebih menarik dan lebih berkesan (Henderson & Jarvis, 2016). Pembelajaran dan pengajaran berbeza penting supaya ke semua keperluan dan minat pelajar diambil kira di dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Kanevsky, 2011). Contohnya pelajar yang mempunyai dimensi psikomotor dilibatkan diri dalam aktiviti pergerakan atau sukan sesuai dengan minat pelajar dan sebaliknya bagi dimensi keterujaan luar biasa yang lain. Akhirnya dengan menggunakan pendekatan pembelajaran dan pengajaran terbeza ini minat pelajar akan lebih mendalam di dalam proses pembelajaran.

Seterusnya dalam konteks ibu bapa pula, mereka berperanan memahami kecenderungan anak-anak dan tidak meletakkan cita-cita yang terlampau tinggi yang

boleh merisaukan anak-anak. Isu sosioemosi ini mula terbentuk daripada didikan anak-anak semasa kecil lagi namun ramai ibu bapa yang tidak menyedari isu yang dialami oleh anak-anak pintar ini (Jones, Greenberg, & Crowley, 2015). Ibu bapa juga perlu menyokong kecenderungan anak-anak pintar ini dengan membantu memberikan program pengayaan yang sesuai dengan bakat dan minat pelajar (Murdock-Smith, 2013). Contohnya memasukkan anak-anak ke bengkel robotik bagi anak-anak yang mempunyai dimensi intelek dan kreatif bertujuan untuk lebih mengasah potensi diri anak-anak pintar ini ke arah yang lebih baik.

Dalam konteks masyarakat mereka juga berperanan untuk membantu insan pintar dan berbakat ini dengan memahami kecenderungan yang pelajar miliki. Mitos bagi masyarakat tentang pelajar pintar dan berbakat mahir dan tahu di dalam ke semua bidang perlu dihindarkan (Rinn & Reynolds, 2012). Kecenderungan pelajar ini perlu dihormati dan program-program bersama masyarakat perlu dianjurkan supaya pelajar pintar berbakat menjadi insan yang serba boleh dan mampu memimpin masyarakat di masa hadapan kerana sebagaimana yang kita ketahui pelajar pintar dan berbakat ini merupakan aset negara di masa akan datang (Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak, 2014).

Impak utama yang mempengaruhi isu sosioemosi keterujaan luar biasa ialah berpunca daripada perkembangan tidak sekata (*asynchronized development*) dan pencapaian di bawah tahap (*underachievement*) (Kregel, 2017). Bagi perkembangan tidak sekata, pelajar pintar berbakat mempunyai tahap kebolehan mental yang tinggi berbanding dengan umur kronologinya (Rosadah & Aliza, 2010; ; Yassin et al., 2012; Rorlinda et al., 2015). Perkembangan yang tidak sekata boleh menjejaskan emosi, sensitiviti terhadap sesuatu perancangan, motivasi, kekurangan rakan dan pengasingan diri manakala pencapaian di bawah tahap berlaku disebabkan pelajar pintar dan berbakat merupakan golongan yang *perfectionist* dan mereka tidak menunjukkan pencapaian yang sepatutnya di dalam pencapaian akademik yang sepatutnya dicapai oleh pelajar pintar dan berbakat (Kregel, 2017).

Hasil daripada dua faktor ini akan memberikan beberapa impak yang ketara terhadap perlakuan keterujaan luar biasa pelajar seperti tekanan keinginsempurnaan dari diri, ibu bapa, guru dan masyarakat yang sering menilai kepintaran PPB ini secara negatif (Berlin, 2009), suka mengasingkan diri, mempunyai masalah untuk berkawan (Friedman, 2014), stress (Abu Yazid, 2014), sentiasa merasa tidak selesa dan bimbang (Mahzam, 2014), menjejaskan kesihatan mental (Rorlinda, 2017), konsep sendiri yang rendah (Verstenynen, 2014 ;Brody, 2015), merasakan orang lain tidak memahami diri pelajar pintar (Amnah Zanariah et al., 2016), tidak mempunyai motivasi diri (Rorlinda et al., 2016) serta bimbang melakukan kesalahan

(Akay & Bratton, 2017). Ke semua ini merupakan impak yang umum yang terpaksa dihadapi oleh pelajar pintar dan berbakat.

Menurut Dabrowski (1972) dimensi emosi, intelektual dan imaginasi bagi keterujaan luar biasa merupakan ciri peribadi yang terpenting dalam melahirkan anak-anak pintar yang kreatif (Mofield & Peters, 2015). Dimensi keterujaan luar biasa ini perlu diteliti dan difahami. Kegagalan menangani isu keterujaan luar biasa ini akan membantutkan potensi pelajar namun sebaliknya jika isu ini mampu difahami oleh pelajar dan masyarakat sekitar ia akan menjadi faktor yang melonjak potensi pelajar mengikut kecenderungan berdasarkan personaliti pelajar yang berbeza-beza.

KLB banyak dikaitkan dengan pelajar pintar berbakat kerana PPB selalunya memberikan respond yang luar biasa apabila diberikan rangsangan. Hal ini telah diakui oleh individu, guru, staf dan ibu bapa. PPB mempunyai sifat sensitiviti yang melampau, mempunyai perlakuan hiperaktif, mempunyai perasaan ingin tahu yang mendalam serta suka berangan-angan (Mendaglio & Tillier, 2006). Rumusannya di sini KLB mampu memberikan kesan positif dan negatif terhadap pelajar pintar dan berbakat. Kesan positif berlaku bila pelajar pintar berbakat ini mengetahui keistimewaan yang ada di dalam dirinya dan mampu menggunakan kelebihan tersebut untuk mereka lebih cemerlang, manakala KLB negatif pula akan berlaku jika pelajar tidak menyedari kelebihan diri mereka dan tidak mampu membuat penyesuaian sosioemosi dan akan menyumbang kepada perlakuan yang tidak diingini seperti merasa rendah diri, emosi bercelaru, dan sebagainya.

Guru seharusnya perlu mengenali personaliti pelajar dan dapat mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan kebolehan pelajar supaya kecemerlangan dalam kalangan PPB terus berkembang. Ibu bapa juga perlu berperanan memahami kebolehan serta minat anak dan mendorong mereka untuk lebih cemerlang. Adalah peranan kita semua termasuk guru, staf dan ibu bapa serta masyarakat untuk membantu contohnya memberikan bantuan memahami pelajar dari segi pengajaran dan pembelajaran, kurikulum dan sebagainya yang berbeza daripada kawan-kawannya di arus perdana. Ini akan memberikan impak yang besar terhadap perkembangan pelajar pintar dan berbakat secara khususnya.

Terdapat juga beberapa kajian yang mengaitkan keterujaan luar biasa mempunyai korelasi yang signifikan dengan keinginan sempurna (Perrone-McGovern et al., 2015; Mofield & Peters, 2015), insomnia, ketakutan kematian dan kerisauan (Harrison & Van Haneghan, 2011), ADHD (Rinn & Reynolds, 2012) dan sebagainya. Bertolak dari sini kita dapati KLB boleh menyebabkan timbulnya beberapa isu lain yang tidak sihat jika gagal ditangani dengan baik dan sebaliknya.

Sebagai kesimpulan, dari kajian ini telah berjaya mengenal pasti dimensi KLB serta implikasi KLB terhadap PPB. Soal selidik OEQ (II) adalah instrumen yang dilihat sesuai bagi mengukur keterujaan luar biasa dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian tentang keterujaan luar biasa ini merupakan satu keperluan bukan sahaja berguna bagi pelajar pintar dan berbakat namun ia juga berguna bagi pelajar biasa bagi menilai kebolehan dalaman pelajar. Kajian ini mempunyai impak yang tinggi dalam membantu individu, guru, ibu bapa dan masyarakat menyesuaikan diri dengan isu KLB. Bagi cadangan kajian lanjutan, kajian penerokaan berbentuk kualitatif dicadangkan untuk dilaksanakan selaras dengan pendapat Winkler & Voight (2016) atau berbentuk kajian campuran (*mixed methods*) bagi melihat persepsi pelajar tentang keterujaan luar biasa yang kadang kala tidak diendahkan oleh semua akibat kurang pengetahuan tentang isu ini. Kajian perbandingan antara KLB pelajar pintar berbakat dan bukan pelajar pintar berbakat juga boleh dilaksanakan untuk melihat perbezaan ciri KLB ini selaras dengan cadangan (Peebles & Mendaglio, 2014).

Kajian lanjut bagi menilai KLB di masa akan datang juga mungkin boleh menggunakan instrumen-instrumen lain selain instrumen Soal selidik Keterujaan Luar Biasa dibina oleh Falk et al.(1999) bagi menilai lima sub konstruk KLB. Seterusnya berdasarkan profil yang diperoleh ini juga pengkaji mencadangkan adalah keperluan untuk membangunkan modul intervensi bagi KLB disandarkan kepada teori yang terpilih bagi membantu pelajar menyesuaikan diri dengan aktiviti yang disusun dan dilaksanakan secara sistematik berdasarkan reka bentuk pembangunan penyelidikan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian berbantuan modul intervensi boleh membantu pengajar dan pelajar (De Bondt & Van Petegem, 2017) dalam penyesuaian sosioemosi. Kajian lanjutan ini jika dapat dilaksanakan dapat menyumbang ilmu bagi penyesuaian sosioemosi KLB dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat masa kini dalam usaha melahirkan masyarakat yang seimbang.

PENGHARGAAN

Penulis pertama bertugas sebagai pensyarah di Kolej Permata INSAN, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ingin merakamkan sekalung ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di atas tajaan biasiswa SLAB bagi pengajian PhD (di Universiti Kebangsaan Malaysia). Juga ucapan terima kasih buat warga Kolej PERMATA Insan USIM dan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam membantu menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Abu Yazid Abu Bakar, & Noriah Mohd Ishak. (2014). Depression, anxiety, stress, and adjustments among Malaysian gifted learners: Implication towards school counseling provision. *International Education Studies*, 7(13). <https://doi.org/10.5539/ies.v7n13p6>
- Abu Yazid Bin Abu Bakar. (2015). Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling Pelajar Pintar Dan Berbakat. *Jurnal Perkama*, 19, 1–17.
- Ackerman, C. . (1993). *A secondary analysis of research using the overexcitability questionnaire*. Texas: Texas A & M University.
- Aliza Alias. (2014). *Profil keterujaan luar biasa pelajar pintar intelek dan kaitannya dengan keupayaan kognitif*. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Amnah Z, Amirah, Nur Fazidah, S. (2017). A Study Between Perfectionism And Thinking Style Among Gifted And Talented Muslim Students In Malaysia. *International Journal of Islamic Studies*, 6(2), 13–22.
- Amnah Zanariah Abd. Razak, Amirah Zainun, N. F. A. & S. M. S. (2016). Kajian tentang Perfectionism Dan Stail Berfikir Pelajar Pintar Berbakat Muslim Di Malaysia. *Proceeding of 2nd International Convention on Islamic Science & Education*.
- Amnah Zanariah Abd. Razak, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Amirah Zainun, N. F. A. & F. A. F. (2015). Perfectionism implikasi dan cadngan: Pelajar pintar berbakat di Malaysia. In *Internaltional Teaching and learning conference ILEC 2015*.
- Chang, H. J., & Kuo, C. C. (2013). Overexcitabilities: Empirical studies and application. *Learning and Individual Differences*, 23(1), 53–63. <https://doi.org/10.1016/j.lindif.2012.10.010>
- Daniels, S & Meckstroth, E. (2009). *Nuturing the sensitivity, intensity and development potential of young gifted children*. Dlm Daniels, S. & Piechowski, M.M (pnynt). USA: Great Potential Press.
- De Bondt, N., & Van Petegem, P. (2017). Emphasis on emotions in student learning: Analyzing relationships between overexcitabilities and the learning approach using Bayesian MIMIC modeling. *High Ability Studies*. <https://doi.org/10.1080/13598139.2017.1292897>
- Falk, R.F., Lind, S., Miller, N.B., Piechowski, M.M., & Silverman, L. K. (1999). *The overexcitability questionnaire –two (OEQ-II): Manual, scoring system, and questionnaire*. Denver, CO: Institute for the Study of Advanced Development.
- Gagné, F. (2015). Academic talent development programs: a best practices model. *Asia Pacific Education Review*, 16(2), 281–295. <https://doi.org/10.1007/s12564-015-9366-9>
- Harrison, G. E., & Van Haneghan, J. P. (2011). The gifted and the shadow of the

- night: Dabrowski's overexcitabilities and their Correlation to Insomnia, death anxiety, and fear of the unknown. *Journal for the Education of the Gifted*, 34(4), 669–697. <https://doi.org/10.1177/016235321103400407>
- Henderson, L., & Jarvis, J. (2016). The gifted dimension of the Australian Professional Standards for Teachers: Implications for professional learning. *Australian Journal of Teacher Education*. <https://doi.org/10.14221/ajte.2016v41n8.4>
- Jones, D. E., Greenberg, M., & Crowley, M. (2015). Early social-emotional functioning and public health: The relationship between kindergarten social competence and future wellness. *American Journal of Public Health*. <https://doi.org/10.2105/AJPH.2015.302630>
- Kanevsky, L. (2011). Deferential differentiation: What types of differentiation do students want? *Gifted Child Quarterly*. <https://doi.org/10.1177/0016986211422098>
- Karpinski, R. I., Kinase Kolb, A. M., Tetreault, N. A., & Borowski, T. B. (2018). High intelligence: A risk factor for psychological and physiological overexcitabilities. *Intelligence*, 66(November 2016), 8–23. <https://doi.org/10.1016/j.intell.2017.09.001>
- Kregel, E. A. (2017). Addressing the social , emotional , and academic needs of gifted high school students, (2015).
- Lay Yoon Fah, Khoo Chwee Hoon, L. C. M. (2016). *Pengenalan kepada analisis data dengan IBM SPSS dalam penyelidikan sosial*. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mendaglio, S., & Tillier, W. (2006). Dabrowski's Theory of Positive Disintegration and Giftedness: Overexcitability Research Findings. *Journal for the Education of the Gifted*, 30(1), 68–87. <https://doi.org/10.1177/016235320603000104>
- Mofield, E. L., & Peters, M. P. (2015). The Relationship between Perfectionism and Overexcitabilities in Gifted Adolescents. *Journal for the Education of the Gifted*, 38(4), 405–427. <https://doi.org/10.1177/0162353215607324>
- Murdock-Smith, J. (2013). Understanding the social and emotional needs of gifted children. *Rivier Academic Journal*, (August 2016). <https://doi.org/10.1016/j.atherosclerosis.2006.12.028>
- Peebles, J. L., & Mendaglio, S. (2014). The impact of direct experience on preservice teachers self-efficacy for teaching in inclusive classrooms. *International Journal of Inclusive Education*. <https://doi.org/10.1080/13603116.2014.899635>
- Perrone-McGovern, K. M., Simon-Dack, S. L., Beduna, K. N., Williams, C. C., & Esche, A. M. (2015). Emotions, Cognitions, and Well-Being: The Role of Perfectionism, Emotional Overexcitability, and Emotion Regulation. *Journal for the Education of the Gifted*. <https://doi.org/10.1177/0162353215607326>
- Perrone, K.M., Ksiazak, T.M., Wright, S.L. & Jackdon, Z. . (2007). Self perfection

- ofgifted and talents among adult in a longitudinal study of academically talented high school graduates. *Roeper Review*, 29(4), 259–264.
- Rinn, A. N., & Reynolds, M. J. (2012). Overexcitabilities and ADHD in the Gifted: An Examination. *Roeper Review*, 34(1), 38–45. <https://doi.org/10.1080/02783193.2012.627551>
- Rorlinda, Y., Noriah, M. I., Siti Fatimah Mohd Yassin, Aishah Hassan, & Afifah Mohd Radzi. (2016). Kajian Jatidiri Dan Tekanan Isu Sosio-Emosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar Dan Berbakat (a Study of Identity and Socio-Emotional Stress Among Intelligent and Talented Students). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 42–60.
- Speirs Neumeister, K.L, K.K. & Cross, T. L. (2012). Gifted high school student’s perspectives on the development of perfectionism. *Roeper Review*, 31(4), 198–206.
- Sternberg, R. J. (2017). ACCEL: A New Model for Identifying the Gifted. *Roeper Review*, 39(3). <https://doi.org/10.1080/02783193.2017.1318658>
- Tsien, J. . (2016). Principles of intelligence: On evolutionary logic of the brain. *Frontiers in Systems Neuroscience*, 9, 1–7.
- Versteynen, L. (2013). Issues in the social and emotional adjustment of gifted children: What does the literature say? *New Zealand Journal of Gifted Education*, 13(1), 1–8.
- Winkler, D., & Voight, A. (2016). Giftedness and Overexcitability: Investigating the Relationship Using Meta-Analysis. *Gifted Child Quarterly*, 60(4), 243–257. <https://doi.org/10.1177/0016986216657588>
- Yassin, S. F. M., Ishak, N. M., Yunus, M. M., & Majid, R. A. (2012). The Identification of Gifted and Talented Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 55(2005), 585–593. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.09.540>